

Meneroka Kreativiti Mahasiswa Melalui Kajian Rintis Batik UG : Satu Perkongsian Pengalaman

Exploring Undergraduate Students' Creativity Through a Pilot Batik Study : A Sharing of Experience

Harozila Ramli*, Tajul Shuhaizam Said, Intan Nabihah Dimyati

Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif,
Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author email : harozila@fskik.upsi.edu.my

ARTICLE HISTORY

Received: 10th December 2025
Revised: 25th April 2026
Accepted: 3rd June 2026
Published : 21st June 2026

KATA KUNCI

Batik UG
Kajian Rintis
Pendekatan Studio
Pendidikan Seni
Identiti UPSI

ABSTRAK - Kajian ini bertujuan untuk meneroka potensi Batik UG sebagai medium pendidikan dan inovasi seni berasaskan warisan melalui pelaksanaan kajian rintis dalam kalangan pelajar Studio Lanjutan Batik di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Batik UG merujuk kepada rekaan batik yang diinspirasikan daripada identiti universiti, khususnya elemen visual seperti logo UPSI, bangunan bersejarah Suluh Budiman, flora kampus dan simbol pendidikan. Kajian rintis ini dilaksanakan bagi memberi ruang kepada mahasiswa untuk bereksperimen, meneroka idea baharu serta membina sikap reflektif terhadap proses penciptaan seni. Kajian menggunakan pendekatan studio berasaskan eksplorasi dengan sokongan kaedah kualitatif. Seramai 8 orang mahasiswa Studio Lanjutan Batik terlibat sebagai peserta kajian sepanjang tempoh enam minggu. Melalui pendekatan studio, pelajar terlibat secara langsung dalam penghasilan rekaan motif berinspirasikan identiti UPSI serta penerapan teknik batik cap dan batik terap dalam bentuk kontemporari. Data dikumpulkan melalui pemerhatian studio, dokumentasi visual, refleksi peserta dan catatan pensyarah. Sepanjang proses, beberapa cabaran dikenal pasti termasuk penggunaan bahan blok yang kurang sesuai iaitu plywood yang menjejaskan hasil cap, serta pengurusan masa dalam penghasilan rekaan berlapis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pendekatan kajian rintis ini berjaya memperkukuh daya imaginasi, meningkatkan keberanian peserta untuk bereksperimen, dan menanam kefahaman terhadap integrasi antara warisan dan inovasi seni. Secara keseluruhannya, projek Batik UG membuktikan bahawa pengajaran seni berasaskan warisan mampu membentuk generasi kreatif yang menghargai tradisi dalam acuan moden.

ABSTRACT - Batik UG is a batik design initiative inspired by the identity of Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), particularly its visual elements such as the UPSI logo, the historic Suluh Budiman building, campus flora, and symbols of education. This study aims to explore the potential of Batik UG as a medium for heritage-based art education and innovation through the implementation of a pilot study among students enrolled in the Advanced Batik Studio course at UPSI. The pilot study was conducted

to provide students with opportunities to experiment, explore new ideas, and develop reflective attitudes toward the artistic creation process. The study employed an exploratory studio-based approach supported by qualitative methods. A total of eight Advanced Batik Studio students participated in the study over a six-week period. Through the studio approach, students were directly involved in producing batik motif designs inspired by UPSI's identity, while applying block printing and batik stamping techniques in a contemporary form. Data were collected through studio observation, visual documentation, participant reflections, and lecturer notes. Throughout the process, several challenges were identified, including the use of unsuitable block material, namely plywood, which affected the quality of the printed motifs, as well as time management issues in producing layered designs. The findings indicate that this pilot study approach successfully strengthened students' imagination, increased their confidence to experiment, and developed their understanding of the integration between heritage and artistic innovation. Overall, the Batik UG project demonstrates that heritage-based art education can cultivate a creative generation that values tradition within a modern framework.

KEYWORDS: Batik UG, Pilot Study, Studio Approach, Art Education, UPSI Identity

PENGENALAN

Kreativiti merupakan asas penting dalam pendidikan seni yang berperanan menggalakkan pelajar berfikir secara kritikal, imaginatif dan inovatif dalam proses penghasilan karya. Dalam konteks pendidikan tinggi, penerokaan terhadap potensi kreatif mahasiswa bukan sekadar berfokus kepada penguasaan teknik semata-mata, tetapi turut menuntut kemampuan untuk mentafsir, bereksperimen serta menzahirkan idea baharu yang memiliki nilai estetik dan makna tersendiri. Menurut pandangan ahli pedagogi seni, kreativiti perlu dipupuk melalui pendekatan yang memberi ruang kepada pelajar untuk meneroka, mencuba dan menilai hasil secara reflektif agar mereka dapat mengembangkan identiti serta gaya ekspresi individu.

Dalam usaha memperkukuh perkembangan kreativiti ini, medium batik dilihat sebagai ruang pembelajaran yang signifikan. Batik bukan hanya sebuah warisan seni tekstil tradisional di rantau Nusantara yang diiktiraf oleh UNESCO, tetapi juga sebuah platform eksperimen yang merangsang imaginasi dan inovasi. Proses penghasilan batik memerlukan gabungan antara kemahiran teknikal, ketelitian, serta keberanian dalam membuat keputusan visual untuk menjadikannya satu proses yang sesuai untuk meneroka daya cipta dan estetika pelajar seni. Melalui pengalaman ini, mahasiswa berpeluang memahami nilai budaya, simbolisme, serta konteks seni yang lebih luas dalam membentuk identiti visual mereka.

Selaras dengan arus kontemporari, pelbagai inisiatif telah dijalankan bagi memodenkan seni batik agar terus relevan dalam pendidikan seni masa kini. Salah satu daripadanya ialah penghasilan Batik UG, iaitu corak batik yang diinspirasikan daripada identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Batik UG mengentengahkan elemen seni bina, simbol universiti dan persekitaran kampus sebagai sumber ilham utama, berbeza daripada batik konvensional yang lazimnya berasaskan motif flora atau fauna. Pendekatan ini bukan sahaja memperkayakan nilai estetik batik, tetapi turut berfungsi sebagai simbol kebitaraan UPSI serta platform pengembangan kreativiti mahasiswa.

Kajian rintis ini dijalankan bagi meneroka tahap kreativiti mahasiswa melalui proses penghasilan motif *Batik UG* dengan bimbingan pensyarah. Dalam proses ini, pensyarah berperanan sebagai fasilitator yang membimbing eksplorasi idea, manakala pelajar bertindak sebagai pencipta visual yang mengolah inspirasi menjadi rekaan bermakna. Artikel ini berkongsi pengalaman pelaksanaan kajian rintis tersebut dan menilai bagaimana aktiviti berasaskan warisan seperti batik dapat menyemai kreativiti, refleksi diri, dan inovasi dalam kalangan mahasiswa seni.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

1. Mengetahui bagaimana mahasiswa meneroka kreativiti melalui penghasilan motif Batik UG berinspirasi identiti UPSI.
2. Meneliti proses eksperimen teknik dan bahan yang digunakan dalam penghasilan Batik UG.
3. Mengetahui cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa sepanjang pelaksanaan kajian rintis.
4. Menilai peranan pensyarah sebagai fasilitator dalam meningkatkan kreativiti dan keyakinan mahasiswa.

PERSOALAN KAJIAN

Bagi mencapai objektif tersebut, kajian ini dipandu oleh persoalan berikut:

1. Bagaimanakah mahasiswa meneroka kreativiti mereka melalui penghasilan motif Batik UG?
2. Apakah bentuk eksperimen teknik dan bahan yang digunakan dalam penghasilan Batik UG?
3. Apakah cabaran yang dihadapi oleh mahasiswa semasa menjalankan kajian rintis ini?
4. Bagaimanakah bimbingan pensyarah membantu meningkatkan kreativiti dan keberanian mahasiswa untuk bereksperimen?

LATAR BELAKANG KAJIAN RINTIS

Kajian rintis dalam bidang seni lazimnya berfungsi sebagai satu bentuk eksplorasi awal yang memberi ruang kepada pengkaji untuk mencuba, menilai dan memahami potensi sesuatu idea sebelum dikembangkan ke peringkat yang lebih menyeluruh. Pendekatan ini penting kerana seni bersifat subjektif, eksperimental, dan memerlukan ruang pencarian kreatif sebelum lahirnya sebuah karya yang matang. Dalam konteks pendidikan seni di universiti, kajian rintis bukan sahaja membantu mahasiswa mengasah kreativiti melalui pengalaman langsung, tetapi juga memberi peluang kepada pensyarah untuk berperanan sebagai fasilitator dalam proses pembelajaran berasaskan projek dan eksplorasi idea.

Batik UG ialah singkatan kepada "Batik Universiti Guru", iaitu satu inisiatif penghasilan motif batik yang dibangunkan berasaskan identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII). Penggunaan istilah UG merujuk kepada imej UPSII sebagai universiti pendidikan guru yang mempunyai sejarah dan warisan tersendiri. Motif Batik UG dibina melalui proses pemilihan dan pengolahan elemen visual tertentu yang dianggap mewakili identiti universiti seperti bangunan Suluh Budiman, logo universiti, bunga rasmi, landskap kampus serta simbol pendidikan. Elemen-elemen ini kemudiannya dipermudahkan, digayakan dan disusun semula mengikut prinsip rekaan batik seperti pengulangan, keseimbangan, irama dan harmoni agar sesuai dijadikan corak blok batik.

Bagi memastikan ketetapan motif, penghasilan Batik UG dilakukan melalui beberapa peringkat iaitu pemerhatian visual, lakaran awal, pemilihan motif terbaik, eksperimen susunan dan penghasilan blok percubaan. Proses ini penting bagi memastikan setiap motif bukan sekadar hiasan, tetapi mempunyai makna dan hubungan langsung dengan identiti UPSII. Batik UG dapat diibaratkan seperti "peta visual" universiti yang dijahit ke atas kain, di mana setiap garis dan bentuk membawa cerita tentang sejarah, ruang dan jiwa institusi.

Pemilihan *Batik UG* sebagai fokus kajian rintis ini dilakukan kerana keunikannya yang menekankan penghasilan motif berinspirasi identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSII). Berbeza dengan batik konvensional yang kebanyakannya mengambil inspirasi daripada flora, fauna atau motif geometri, *Batik UG* mempunyai nilai tersendiri kerana berusaha menterjemahkan kebitaraan universiti ke dalam

bentuk visual. Elemen seperti logo, seni bina bersejarah, flora kampus, serta simbol warisan institusi dijadikan sumber inspirasi yang membezakan *Batik UG* daripada batik biasa.

Pendekatan ini bukan sahaja memperkayakan tradisi seni batik, tetapi turut memperkukuh jati diri dan kebanggaan terhadap identiti UPSI sebagai institusi pendidikan guru yang bersejarah dan berprestij.

Dalam pelaksanaan kajian rintis ini, mahasiswa memainkan peranan utama sebagai pengkarya yang meneroka pelbagai kemungkinan rekaan motif berasaskan interpretasi peribadi terhadap identiti universiti. Proses ini menuntut daya imaginasi, kepekaan estetika, dan kebolehan membuat keputusan visual yang kreatif. Pensyarah pula berperanan sebagai pembimbing dan fasilitator yang membantu mahasiswa menyalurkan idea melalui bimbingan teknikal, perbincangan konseptual serta panduan dalam menilai kesesuaian dan nilai estetika rekaan. Proses kolaboratif ini menggalakkan refleksi kritis, dialog kreatif dan pembelajaran bersama menjadi satu bentuk amalan pedagogi seni yang menekankan penerokaan dan penciptaan idea secara berfikir aras tinggi.

Kajian rintis ini juga signifikan kerana ia berfungsi sebagai asas awal sebelum penghasilan blok batik sebenar. Dapatan daripada eksperimen ini memberikan gambaran tentang tahap kreativiti mahasiswa, kecenderungan rekaan yang dihasilkan serta cabaran yang dihadapi sepanjang proses. Penemuan ini seterusnya dapat dijadikan rujukan penting dalam merangka strategi pengajaran, pengurusan bahan, dan pendekatan reka bentuk yang lebih berkesan bagi kesinambungan projek *Batik UG*. Secara keseluruhannya, kajian ini menyumbang kepada pembangunan seni batik kontemporari berteraskan identiti universiti dan memperkukuh peranan pendidikan seni sebagai wahana penghasilan inovasi berasaskan warisan.

SOROTAN LITERATUR

Kreativiti merujuk kepada keupayaan seseorang menghasilkan idea baharu yang bernilai dan relevan dalam konteks tertentu (Runco & Jaeger, 2012). Dalam pendidikan seni, kreativiti dilihat sebagai satu proses yang melibatkan penerokaan idea, pemikiran reflektif dan kebolehan menyelesaikan masalah secara inovatif. Kajian oleh Zhang et al. (2024) menegaskan bahawa pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan integrasi elemen STEAM dalam pengajaran seni dapat meningkatkan keupayaan berfikir kreatif pelajar. Pendekatan ini menggalakkan pelajar meneroka, bereksperimen dan menilai hasil kerja mereka secara sendiri.

Selain itu, Rahman dan Ismail (2023) menyatakan bahawa kreativiti dalam pendidikan seni bukan sekadar menghasilkan karya yang indah, tetapi juga melibatkan keupayaan berfikir secara kritikal serta menilai keputusan visual yang dibuat. Pendekatan sebegini membentuk pelajar yang lebih reflektif, inovatif dan berdaya cipta tinggi. Oleh itu, penerapan unsur kreativiti dalam pengajaran seni penting untuk melahirkan pelajar yang mampu menghasilkan karya bermakna dan bernilai estetik.

Kajian rintis dalam bidang seni berperanan sebagai satu bentuk penerokaan awal yang memberi peluang kepada pelajar untuk mencuba, menilai dan menyesuaikan idea sebelum menghasilkan karya akhir. Pendekatan ini menyediakan ruang untuk pelajar mengenal pasti kelemahan, memperbaiki teknik serta meningkatkan kefahaman terhadap konsep reka bentuk.

Menurut Ramli dan Said (2024), kajian rintis dalam seni membantu pelajar membentuk konsep dengan mencuba pelbagai media, teknik dan gaya persembahan sebelum menghasilkan karya sebenar. Proses percubaan ini bukan sahaja meningkatkan keyakinan diri, malah menggalakkan pelajar berfikir secara reflektif dan analitik. Noraini dan Abdullah (2022) turut menekankan bahawa peranan pensyarah sebagai pembimbing dalam kajian rintis dapat menggalakkan perbincangan dua hala serta memupuk komunikasi kreatif antara pelajar dan tenaga pengajar. Yusuf, M. (2021) turut menegaskan bahawa pembelajaran melalui pengalaman dan eksperimen dalam bidang seni membolehkan pelajar mengaplikasikan teori dalam konteks sebenar serta meningkatkan keyakinan dalam berkarya. Pendekatan ini melatih pelajar berfikir secara kreatif dan menyelesaikan masalah melalui pengalaman praktikal.

Seni batik merupakan warisan budaya yang terus berkembang selaras dengan kemajuan teknologi dan perubahan zaman. Dalam pendidikan seni, batik bukan sekadar medium tradisional, tetapi juga

ruang eksplorasi dan inovasi yang membolehkan pelajar menggabungkan nilai warisan dengan idea kontemporari. Ramli dan Said (2024) dalam kajian *The Transformation of the Art of Batik Painting in Malaysia* mendapati bahawa seniman muda kini lebih gemar menerapkan elemen moden dalam penghasilan batik, menjadikan seni ini lebih segar dan sesuai dengan cita rasa masa kini.

Kajian oleh Yusoff et al. (2025) pula menunjukkan bahawa motif batik tradisional seperti batik sarung dapat diolah semula dalam bentuk rekaan moden seperti aksesori dan rekaan digital. Pendekatan ini membuktikan bahawa pelajar seni berupaya memodenkan motif warisan tanpa mengabaikan nilai tradisi asal. Selain itu, Nordin et al. (2021) menyorot peranan teknologi reka bentuk berkomputer (CAD) dalam menghasilkan corak dan pewarnaan batik moden. Penggunaan teknologi ini bukan sahaja mempercepat proses reka bentuk, tetapi turut memperluas ruang kajian rintis pelajar untuk bereksperimen dengan motif yang diinspirasikan daripada identiti institusi.

Dalam konteks *Batik UG*, penerapan elemen identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) seperti logo, seni bina dan flora kampus ke dalam rekaan batik mencerminkan usaha memperkukuh jati diri universiti melalui seni. Inisiatif ini memperlihatkan gabungan antara nilai tradisi dan inovasi dalam memperkasa imej UPSI sebagai institusi pendidikan yang berteraskan warisan dan kreativiti.

Sorotan literatur menunjukkan bahawa kreativiti dalam pendidikan seni berkembang dengan lebih berkesan apabila pelajar diberi peluang untuk belajar melalui pengalaman, eksperimen dan refleksi. Dalam konteks seni batik, proses menghasilkan motif dan mengolah bahan bukan sahaja melibatkan kemahiran teknikal, tetapi juga proses mentafsir idea, membuat keputusan visual dan membina identiti melalui karya.

Kajian terdahulu turut menunjukkan bahawa pembelajaran berasaskan projek dan studio mampu mewujudkan suasana pembelajaran yang lebih aktif kerana pelajar terlibat secara langsung dalam proses penciptaan. Keadaan ini amat berkait dengan pelaksanaan kajian rintis Batik UG yang memberi ruang kepada mahasiswa untuk meneroka identiti UPSI melalui penghasilan motif batik kontemporari.

Walaupun terdapat pelbagai kajian tentang kreativiti, seni batik dan inovasi dalam pendidikan seni, masih kurang kajian yang meneliti bagaimana identiti institusi pendidikan diterjemahkan ke dalam motif batik melalui pendekatan studio. Selain itu, kebanyakan kajian lebih menumpukan kepada hasil akhir karya berbanding proses eksplorasi, cabaran dan perkembangan kreativiti pelajar semasa proses berkarya.

Justeru, kajian rintis Batik UG ini dilaksanakan untuk mengisi jurang tersebut dengan memberi fokus kepada pengalaman mahasiswa, proses penghasilan motif, penggunaan teknik batik cap serta peranan pensyarah sebagai fasilitator. Kajian ini juga memperlihatkan bahawa batik boleh berfungsi sebagai medium pembelajaran yang aktif, reflektif dan bermakna kerana pelajar bukan sahaja menghasilkan karya, malah mempelajari cara menghubungkan warisan, identiti dan kreativiti dalam satu proses yang saling bertaut.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan studio berasaskan eksplorasi kerana fokus utama kajian adalah untuk memahami proses penghasilan Batik UG melalui pengalaman langsung, percubaan bahan dan penerokaan motif oleh mahasiswa. Pendekatan studio dipilih kerana ia lebih sesuai untuk kajian seni yang melibatkan proses eksperimen, refleksi dan penghasilan karya secara berperingkat.

Dalam masa yang sama, kajian ini turut menggunakan reka bentuk kualitatif bagi membantu penyelidik memahami pengalaman peserta, perubahan kreativiti, cabaran serta makna yang diberikan terhadap proses berkarya. Kajian rintis ini dijalankan sebagai penerokaan awal sebelum penghasilan motif dan blok batik pada skala yang lebih besar.

Kajian dijalankan selama enam minggu, iaitu dari minggu pertama hingga minggu keenam semester Studio Lanjutan Batik. Tempoh ini merangkumi proses pemerhatian identiti UPSI, penghasilan lakaran awal, eksperimen teknik dan bahan, penghasilan blok, proses cap serta refleksi akhir peserta.

PROSES KAJIAN

Peserta kajian terdiri daripada 8 orang mahasiswa yang mengikuti kursus Studio Lanjutan Batik di Jabatan Seni dan Reka Bentuk, Fakulti Seni, Kelestarian dan Industri Kreatif, UPSI. Pemilihan peserta dilakukan secara persampelan bertujuan kerana mereka mempunyai pengetahuan asas tentang teknik batik dan sedang mengikuti kursus yang berkaitan.

Bagi menjaga kerahsiaan, semua peserta dirujuk sebagai Informan 1, Informan 2, Informan 3 dan seterusnya.

1. Minggu 1: Penerangan konsep Batik UG dan pemerhatian terhadap identiti visual UPSI.
2. Minggu 2: Penghasilan lakaran awal dan perbincangan bersama pensyarah.
3. Minggu 3 hingga 4: Eksperimen teknik, bahan, susunan motif dan penghasilan blok percubaan.
4. Minggu 5: Penghasilan karya batik akhir menggunakan teknik cap dan pewarnaan.
5. Minggu 6: Refleksi, dokumentasi dan penilaian hasil.



Rajah 1 : Aliran Proses Kajian

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Pengumpulan data dijalankan melalui empat kaedah, selaras dengan tujuan kajian untuk memahami proses kreatif peserta secara menyeluruh:

- 1) **Pemerhatian** – Merangkumi pemantauan proses kreatif, teknik yang digunakan, serta interaksi antara pensyarah dan mahasiswa.
- 2) **Analisis Dokumen** – Melibatkan penelitian terhadap lakaran, reka bentuk motif, serta hasil akhir karya untuk menilai kreativiti dan simbolisme.
- 3) **Temu bual separa berstruktur** – Mendapatkan refleksi daripada mahasiswa dan pensyarah tentang pengalaman, cabaran, serta cadangan penambahbaikan

Jadual 1 : Kaedah Pengumpulan Data

Kaedah	Huraian	Sumber Data
Pemerhatian	Penyelidik memerhati proses kerja peserta sepanjang aktiviti studio, termasuk cara mereka memilih motif, menggunakan bahan, berinteraksi dengan pensyarah dan menyelesaikan masalah.	Catatan lapangan penyelidik
Dokumentasi Visual	Dokumentasi visual Foto dan rakaman video digunakan untuk merekod proses penghasilan lakaran, blok batik	Koleksi imej proses dan produk

bersambung

	dan hasil akhir karya. Dokumentasi ini membantu penyelidik meneliti perubahan idea dan perkembangan kreativiti peserta.	
Refleksi Peserta	Setiap peserta diminta menulis refleksi ringkas tentang pengalaman, cabaran, perasaan dan pengetahuan baharu yang diperoleh sepanjang kajian. Refleksi ini digunakan untuk memahami makna yang diberikan oleh peserta terhadap proses berkarya.	Laporan refleksi individu
Catatan Pensyarah	Pensyarah studio menyediakan nota bimbingan dan pemerhatian terhadap perkembangan peserta. Catatan ini membantu menjelaskan perubahan dari segi kreativiti, keyakinan dan penguasaan teknik.	Catatan Studio

ANALISIS DATA

Data dianalisis secara tematik dengan mengenal pasti tema-tema utama seperti eksplorasi motif, eksperimen teknik, cabaran, peranan pensyarah dan perubahan kreativiti peserta. Setiap data daripada pemerhatian, dokumentasi, refleksi dan catatan pensyarah dibandingkan secara triangulasi bagi memastikan dapatan yang lebih jelas dan konsisten.

Proses kreatif pelajar dalam menghasilkan *Batik UG*


a) Eksplorasi motif dan idea

Kajian mendapati mahasiswa memulakan proses penghasilan dengan meninjau motif berasaskan identiti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Pada peringkat awal, kebanyakan idea masih dipengaruhi oleh motif tradisional batik seperti flora, fauna dan geometri (Gambar 1). Walau bagaimanapun, melalui bimbingan pensyarah, mahasiswa mula mengadaptasi elemen yang lebih dekat dengan identiti UPSI seperti logo, bangunan bersejarah SITC dan falsafah pendidikan (Gambar 2).

Perkembangan ini menunjukkan keupayaan mahasiswa menafsir semula tradisi dalam konteks moden, selaras dengan pandangan Mahmud dan Salleh (2020) bahawa bimbingan kreatif dapat memperluas imaginasi pelajar serta membantu mereka menghubungkan rekaan dengan nilai identiti. Hal ini juga disokong oleh Lim dan Hassan (2023) yang menegaskan bahawa penggabungan unsur identiti institusi dalam seni tekstil dapat memperkukuh makna dan keaslian sesebuah karya.



Gambar 1 : Lakaran awal motif berasaskan geometri oleh pelajar



Gambar 2: Lakaran motif geometri berinspirasi identiti UPSI : Bangunan Suluh Budiman

b) Eksperimen teknik dan bahan

Mahasiswa turut menunjukkan keberanian dalam bereksperimen dengan pelbagai teknik dan bahan. Sebelum ini, semasa kursus Asas Batik, mereka lebih biasa menggunakan teknik canting untuk menghasilkan corak. Namun, dalam peringkat lanjutan ini, mereka perlu menyesuaikan diri dengan teknik mencap menggunakan blok, yang menuntut kawalan tekanan,imbangan, dan ketepatan semasa proses mengecop.

Proses penyesuaian ini memperlihatkan usaha mahasiswa dalam menguasai kemahiran baharu sambil mengekalkan kefahaman terhadap prinsip asas batik. Hal ini menunjukkan keseimbangan antara kesinambungan tradisi dan penerokaan inovasi dalam penghasilan karya. Seperti yang dinyatakan oleh Yusuf (2021), pendedahan kepada pelbagai teknik baharu dapat memperkukuh kreativiti pelajar melalui proses eksperimen dan refleksi. Pandangan ini turut disokong oleh Rahman (2024) yang menegaskan bahawa kemahiran teknikal yang berkembang melalui eksperimen merupakan asas kepada inovasi dalam seni tekstil kontemporari.



Gambar 3: Proses eksperimen teknik mengecap menggunakan blok batik oleh pelajar.

c) Cabaran yang dihadapi

Antara cabaran utama yang dihadapi ialah dari segi teknikal, di mana blok batik yang menggunakan asas playwood didapati kurang sesuai kerana menutup bahagian tembaga dan menyukarkan proses mengecap, menyebabkan hasil cap tidak sekata dan menjejaskan kualiti corak. Hal ini selari dengan dapatan Norazlina & Ramli (2020) yang menegaskan bahawa pemilihan bahan dan struktur blok memainkan peranan penting dalam memastikan ketepatan dan kejelasan corak batik cap.

Dari segi masa, proses eksplorasi dan eksperimen reka corak memerlukan tempoh yang panjang, justeru menuntut mahasiswa agar lebih berdisiplin dalam pengurusan masa bagi menyiapkan karya dengan baik. Sementara itu, dari sudut kreativiti, cabaran utama ialah mencari keseimbangan antara mengekalkan nilai estetika batik tradisional dengan usaha menghasilkan rekaan motif yang lebih segar dan kontemporari. Menurut Lim dan Hassan (2023), keseimbangan antara tradisi dan inovasi merupakan aspek penting dalam pembangunan seni berasaskan warisan agar ia kekal relevan tanpa mengorbankan nilai asalnya.



Gambar 4: Blok batik yang dihasilkan daripada bahan tidak sesuai menyukarkan proses pemantauan semasa mengecap

d) Peranan Pensyarah

Pensyarah memainkan peranan sebagai fasilitator sepanjang kajian ini. Selain bimbingan teknikal, pensyarah turut menekankan aspek teori seni, simbolisme dan kepentingan penghayatan terhadap identiti UPSI. Bimbingan ini memberi impak positif kepada keberanian mahasiswa untuk bereksperimen dan mengekspresikan idea secara lebih kreatif. Hubungan kolaboratif antara pensyarah dan pelajar membuktikan kepentingan sokongan akademik dalam meningkatkan tahap kreativiti mahasiswa di studio seni.



Gambar 5 : Pensyarah dan pelajar Studio Lanjutan Batik bergambar bersama sambil mempersembahkan hasil akhir Batik UG berinspirasi identiti UPSI selepas sesi penilaian.

Perkongsian pengalaman

Bahagian ini menyoroti pengalaman pelajar yang terlibat dalam kajian rintis penghasilan Batik UG. Perkongsian ini merangkumi refleksi individu, cabaran yang dihadapi, serta pengajaran yang diperoleh sepanjang proses kreatif. Peranan pensyarah sebagai pembimbing turut memberi kesan besar terhadap perkembangan pemikiran dan kreativiti pelajar.

1) Perubahan tahap kreativiti pelajar

Pelajar menunjukkan perubahan yang signifikan dari segi keberanian mencuba idea baharu. Pada peringkat awal, mereka lebih cenderung mengikut motif batik tradisional, tetapi selepas sesi bimbingan dan eksperimen, pelajar mula mengembangkan motif kontemporari yang lebih bebas.

Refleksi pelajar :

“Pada awalnya saya hanya berani melukis motif bunga klasik, tetapi selepas dibimbing, saya mula berani mencuba gabungan bentuk geometri dan flora yang lebih moden.” –Informan 1

2) Refleksi terhadap proses berkarya

Pengalaman eksplorasi teknik cap, celupan dan kombinasi warna memberi pendedahan baharu kepada pelajar. Mereka juga belajar mengurus masa, menyesuaikan teknik dengan jenis kain, serta mengatasi kegagalan awal dalam percubaan warna.

Refleksi pelajar :

“Kali pertama mencuba pewarnaan, hasilnya tidak sekata. Namun, selepas memahami teknik celupan, saya lebih yakin dan berjaya menghasilkan kombinasi warna yang harmoni.” – Informan 2

3) Cabaran dan strategi penyelesaian

Antara cabaran utama ialah penguasaan teknik mengecap blok tembaga, kesukaran mengawal intensiti lilin, serta masa yang terhad. Dengan bimbingan pensyarah, pelajar belajar untuk tidak hanya mengejar kesempurnaan, tetapi menghargai proses sebagai ruang pembelajaran.

Refleksi pelajar :

“Saya belajar bahawa setiap kesilapan dalam mengecap bukanlah kegagalan, tetapi peluang untuk mencipta corak baharu yang unik.” – Informan 3

4) Nilai tambah kepada pengajaran dan pembelajaran

Pengalaman ini tidak hanya memperkayakan kemahiran teknikal pelajar, tetapi turut membina keyakinan diri, daya tahan, serta keupayaan bekerja secara kolaboratif. Pelajar menyedari bahawa seni batik bukan sekadar warisan, tetapi medium yang fleksibel untuk bereksperimen dan mengekspresikan identiti peribadi.

Refleksi pensyarah :

“Saya melihat pelajar lebih berani bereksperimen selepas diberi ruang untuk meneroka idea mereka sendiri, tanpaterlalu terikat dengan acuan tradisional.” – Pensyarah Studio Lanjutan Batik

Dapatan kajian menunjukkan bahawa bimbingan pensyarah memainkan peranan yang signifikan dalam meningkatkan tahap kreativiti mahasiswa. Melalui tunjuk ajar teknikal, sokongan teori, serta motivasi berterusan, pelajar lebih berkeyakinan untuk bereksperimen dengan motif dan teknik batik. Hal ini seiring dengan konsep pembelajaran berpusatkan pelajar, di mana pensyarah berfungsi sebagai fasilitator yang membimbing pelajar agar mampu menghasilkan idea secara sendiri (Abdullah, 2020). Refleksi pelajar juga memperlihatkan bahawa interaksi dua hala dengan pensyarah membantu mereka menilai semula kekuatan dan kelemahan dalam berkarya.

Jadual 2 : Perubahan Tahap Kreativiti Pelajar Sebelum dan Selepas Bimbingan Pensyarah

Aspek Kreativiti	Sebelum Bimbingan	Selepas Bimbingan
Eksplorasi Motif	Terhad kepada bentuk asas, cenderung meniru.	Lebih berani mencipta motif baharu berinspirasi identiti UPSI.
Penguasaan Teknik	Sukar mengawal lilin, warna, dan proses mengecap.	Lebih kemas, mampu menggabungkan teknik tradisional & kontemporari.
Keyakinan Berkarya	Ragu-ragu, takut gagal, kurang yakin dengan idea sendiri.	Lebih yakin, sanggup bereksperimen & menerima kegagalan sebagai proses pembelajaran.
Refleksi Diri	Jarang menilai hasil sendiri, fokus kepada tugas semata-mata.	Mampu membuat refleksi kritis terhadap kekuatan & kelemahan karya.
Inovasi & Kreativiti	Idea masih klise, banyak pengaruh luar tanpa identiti jelas.	Hasil lebih segar, menggabungkan tradisi & inovasi dengan identiti tersendiri.

Kajian rintis berfungsi sebagai ruang eksplorasi awal yang membolehkan pelajar mencuba, gagal, dan memperbaiki diri tanpa tekanan penilaian yang ketat. Keadaan ini memberi peluang kepada mereka untuk menajamkan daya imaginasi serta membina sikap berani mencuba. Menurut Eisner (2002), pendidikan seni harus memberi ruang kepada proses eksperimentasi kerana kreativiti tidak dapat berkembang dalam suasana yang terlalu terkawal. Justeru, kajian rintis ini bukan sahaja menghasilkan karya, tetapi turut membentuk sikap reflektif dan kritis dalam kalangan pelajar seni.

Seiring dengan itu, hasil karya pelajar yang dihasilkan sepanjang pelaksanaan kajian rintis turut memperlihatkan potensi kreativiti mereka dalam meneroka teknik dan motif baharu. Gambar 4 menunjukkan antara contoh karya pelajar Studio Batik yang memmanifestasikan keberanian untuk bereksperimen melalui teknik cap berlapis (*overlapping*), pengolahan warna, serta adaptasi motif yang diinspirasi daripada identiti institusi.



Gambar 6 : Hasil karya pelajar Studio Batik menggunakan teknik cap berlapis (*overlapping*) dengan pendekatan motif kontemporari berasaskan identiti UPSI

Hasil kajian memperlihatkan bahawa Batik UG berpotensi menjadi medium pendidikan yang signifikan, bukan sekadar seni warisan tetapi juga inovasi kontemporari. Melalui penghasilan motif berinspirasi identiti institusi, pelajar bukan sahaja mengekalkan nilai tradisi, tetapi turut memberi nafas baharu yang relevan dengan zaman moden. Hashim dan Ismail (2019) menekankan bahawa integrasi seni tradisional dalam pendidikan kontemporari dapat memperkukuh jati diri budaya sambil membuka ruang kepada inovasi. Kajian ini membuktikan bahawa Batik UG boleh menjadi model pendidikan seni yang menggabungkan nilai warisan, kreativiti, dan inovasi sebagai satu kombinasi yang relevan untuk generasi mahasiswa masa kini.

Peranan pensyarah dalam konteks ini turut memainkan peranan penting sebagai fasilitator yang membimbing mahasiswa agar mampu menyeimbangkan antara nilai tradisi dan pemikiran kreatif. Melalui bimbingan teori, teknikal dan kritikan reflektif, pensyarah membantu pelajar mengasah kepekaan visual serta keupayaan mereka mentafsir simbol dan makna dengan lebih mendalam. Hubungan kolaboratif ini bukan sahaja memperkukuh proses pembelajaran, tetapi juga mewujudkan ekosistem studio yang merangsang eksplorasi, keberanian bereksperimen, dan penerokaan idea baharu dalam reka bentuk motif *Batik UG*.

KESIMPULAN

Kajian rintis ini menunjukkan bahawa pelajar mahasiswa dapat menghasilkan corak motif blok batik yang berinspirasi identiti dan elemen visual UPSI melalui proses eksperimen dan bimbingan pensyarah. Aktiviti ini membolehkan pelajar menilai kesesuaian bentuk, garisan, dan susunan corak bagi aplikasi pada blok batik, sekaligus menggabungkan kreativiti dengan nilai estetika institusi. Sumbangan kajian ini kepada pendidikan seni di UPSI termasuk memberikan pengalaman praktikal dalam reka bentuk batik kontemporari, memperkukuh kefahaman tentang proses kreatif, dan memperkenalkan pendekatan pembelajaran berasaskan projek yang interaktif. Bagi kajian susulan, disyorkan untuk memperluas bilangan pelajar dan variasi motif, meneroka penggunaan teknologi digital seperti 3D modeling dan percetakan blok, serta mempersiapkan hasil corak untuk pameran atau penerbitan. Keseluruhannya, kajian rintis ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar tetapi juga menyumbang kepada pengembangan seni batik kontemporari berasaskan identiti UPSI.

PENGHARGAAN

Secara keseluruhannya, kajian ini membuka lembaran baharu dalam inovasi seni berasaskan warisan yang bukan sahaja memartabatkan identiti UPSI, tetapi turut berpotensi untuk dikembangkan dalam pelbagai bentuk aplikasi dan pasaran. Ia menjadi manifestasi kepada kebitaraan UPSI sebagai institusi pendidikan yang menjunjung tinggi seni, budaya dan warisan bangsa dalam acuan moden.

Penyelidik merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Research Management & Innovation Centre (RMIC), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) atas sokongan dana melalui Geran Penyelidikan Translasi (Kod: 2024-0091-107-01) yang telah merealisasikan pelaksanaan projek ini. Kajian rintis yang dijalankan bersama pelajar Studio Lanjutan Batik telah menjadi asas penting dalam memperkukuh usaha pemeliharaan serta penginovasian seni warisan melalui pendekatan pendidikan, penyelidikan, dan eksplorasi kreatif secara bersepadu.

RUJUKAN

- Abdullah, R., & Ahmad, N. (2019). *The role of batik in Malaysian art education: Creativity, culture, and tradition*. *Journal of Arts and Design Education*, 14(2), 45–57.
- Ahmad, H. (2021). *The design and identity of batik tulis products in Klang Valley*. Universiti Teknologi MARA. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/53710>

- Alice Smith School. (2022). *Batik and cultural learning at Alice Smith*. Retrieved from <https://alice-smith.edu.my>
- Hassan, A. (2022). *Idealisme dan ikonik Batik Sabah*. Universiti Malaysia Sabah Institutional Repository. Retrieved from <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/43103>
- Mahmud, S., & Salleh, M. (2020). *Collaborative learning in art education: The role of lecturers in guiding student creativity*. Malaysian Journal of Art and Education, 8(1), 22–34.
- Mohd Kari, R. (2020). *Preserving the motif identity of Malaysian local block batik*. (Doctoral dissertation). Universiti Teknologi MARA. Retrieved from <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/32512>
- Monash University. (2023). *Monash Batik: Cultural engagement through art*. Retrieved from <https://www.monash.edu>
- Nawi, S. (2020). *Innovation in contemporary batik design: Balancing tradition and modernity*. Journal of Creative Arts, 5(3), 101–115.
- Norazmi, Z., & Rahman, F. (2018). *Flora and fauna motifs in Malaysian batik: Symbolism and sustainability*. Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities, 26(4), 1785–1798.
- Yusuf, M. (2021). *Exploring creativity through batik in art education*. International Journal of Arts Education, 9(2), 55–70.